

NOTIS PRIVASI

1. Skop Notis Ini

- 1.1 Notis Privasi ini diterima pakai bagi maklumat, termasuk data peribadi, yang dikumpul mengenai anda oleh Public Islamic Bank Berhad ("PIBB"), dirujukkan di dalam penyata ini secara individu atau kolektif sebagai "Bank", "kita" atau "kami".
- 1.2 Data peribadi ialah maklumat yang dipetik daripada urus niaga perdagangan yang boleh mengenal pasti anda semunasabah mungkin.
- 1.3 Notis Privasi ini menggariskan data peribadi yang dikumpul oleh Bank secara dalam talian menerusi laman web kami, serta secara luar talian menerusi produk dan perkhidmatan kami yang ditawarkan di kaunter, oleh Wakil Perkhidmatan Pelanggan Bank, dan/atau pasukan jualan dan pemasaran Bank.

2. Komitmen Privasi Kami

- 2.1 Notis Privasi ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada anda mengenai komitmen Bank terhadap dasar untuk memastikan kerahsiaan, integriti dan keselamatan maklumat yang diberikan oleh anda kepada kami pada setiap masa kerana kami memahami pentingnya maklumat peribadi yang ada pada kami mengenai pelanggan dan kepercayaan yang diletakkan oleh mereka kepada kami.
- 2.2 Data peribadi anda diklasifikasikan sebagai rahsia dan hanya boleh didedahkan oleh kami sekiranya diizinkan oleh anda, dibenarkan oleh undang-undang (termasuk peraturan, piawaian, garis panduan dan/atau obligasi) yang diterima pakai oleh Bank.

3. Sumber Pengumpulan Maklumat Peribadi Anda

- 3.1 Kami akan mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber termasuk sumber-sumber yang dinyatakan di bawah, yang mungkin merupakan data peribadi dan/atau *data peribadi sensitif yang relevan dalam hubungan perniagaan kami dengan anda:
 - a. Maklumat yang kami kumpul terus daripada anda apabila anda:
 - Memohon untuk produk dan perkhidmatan, membuka akaun, membuat deposit ke dalam atau pengeluaran daripada akaun anda, membayar bil anda atau memohon untuk pinjaman atau menggunakan kad kredit atau kad debit anda;
 - Bercakap dengan kami menerusi telefon atau secara bersemuka termasuk semasa proses penjualan atau pemasaran produk atau perkhidmatan kepada anda atau apabila anda menelefon untuk membuat pertanyaan dan/atau menerusi panggilan telefon oleh pegawai tele-pemasaran kami; dan
 - Melayari laman web kami, menggunakan perkhidmatan kami, melihat iklan dalam talian kami.
 - b. Maklumat yang kami kumpul mengenai anda daripada sumber-sumber lain tanpa penglibatan langsung oleh anda yang dibenarkan oleh undang-undang:
 - Daripada Agensi Rujukan Kredit bagi tujuan penilaian kredit semasa mempertimbangkan permohonan kredit; dan
 - Daripada apa-apa perintah mahkamah atau badan pengawalseliaan yang mempunyai kuasa ke atas Bank atau apa-apa undang-undang agensi penguatkuasaan bagi tujuan untuk mempertimbangkan pembukaan/pengekalan akaun tuan/puan dengan kami.

* Data peribadi sensitif termasuk maklumat mengenai tahap kesihatan fizikal dan mental anda, pandangan politik, kepercayaan agama atau rekod jenayah.

4. Pengumpulan Maklumat Peribadi

- 4.1 Jenis maklumat peribadi yang dikumpul bergantung kepada jenis produk atau perkhidmatan yang anda mahukan dan pengumpulan maklumat mungkin bermula sebelum anda mengambil bahagian atau menandatangani atau bergantung kepada cara bagaimana anda mengakses dan menggunakan produk dan perkhidmatan kami. Pengumpulan maklumat akan termasuk:
 - a. Maklumat yang mengenal pasti anda:
 - Nama, gelaran, alamat dan maklumat lain seperti nombor telefon, nombor telefon bimbit dsbnya;
 - Umur, jantina, tarikh lahir, bangsa, kewarganegaraan, taraf perkahwinan, butir-butir dokumen pengenalan seperti kad pengenalan atau passport, mana yang berkenaan;
 - Butir-butir pendidikan dan pekerjaan anda;
 - Maklumat yang dikesan oleh sistem keselamatan [termasuk rakaman imej anda di Televisyen Litar Tertutup ("CCTV")] yang sistem keselamatannya diurus dan dikendalikan oleh Public Bank Berhad;
 - Nama dan butir-butir pegawai dibenarkan, pengarah, pemegang saham, pemilik benefisial, pendaftaran perniagaan, negara di mana syarikat diperbadankan dan urusan kewangan atau perdagangan syarikat, mana yang berkenaan;



- Tarikh diterima masuk ke Badan Peguam (untuk peguam-peguam sahaja);
 - Hubungan dengan pelanggan lain/pihak ketiga; dan
 - Nombor pendaftaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (untuk tujuan input cukai).
- b. Maklumat mengenai kedudukan kewangan anda:
- Sumber pendapatan, perbelanjaan, simpanan, aset, liabiliti, portfolio pelaburan dan sejarah pembiayaan;
 - Nombor akaun/Nombor cukai pendapatan;
 - Penyata kewangan beraudit/pengurusan terkini;
 - Laporan kredit daripada agensi pelaporan kredit, laporan penyesuaian harian; dan
 - Pandangan daripada bank-bank lain mengenai kebolehpercayaan kredit anda.
- c. Maklumat mengenai produk atau perkhidmatan yang ingin anda gunakan.
- d. Maklumat mengenai pandangan anda tentang produk, perkhidmatan atau kakitangan.
- 4.2 Di bawah keadaan tertentu, kami juga mungkin mengumpul data peribadi yang sensitif jika:
- a. Kami memerlukan untuk memberi anda produk dan perkhidmatan tertentu; atau
 - b. Anda memohon pekerjaan dengan kami.

5. **Maklumat peribadi mengenai pihak ketiga**

Jika pada bila-bila masa anda memberi kami maklumat peribadi mengenai individu lain, anda perlu memastikan yang anda dibenarkan untuk berbuat demikian dan anda bersetuju untuk memaklumkan kepada individu tersebut siapa kami, bahawa kami mungkin boleh menggunakan dan mendedahkan maklumat peribadi berkenaan dan bahawa mereka boleh mendapat akses kepadanya sekiranya kami menyimpan maklumat berkenaan.

6. **Penggunaan Maklumat Peribadi**

- 6.1 Walaupun tujuan utama pengumpulan maklumat anda adalah untuk digunakan dalam urusan perniagaan harian antara Bank dengan anda, maklumat berikut juga boleh diguna pakai bagi tujuan yang berkaitan dengan tujuan utama termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
- a. Penyediaan perbankan kewangan dan perkhidmatan berkaitan yang lain serta kemudahan kredit kepada anda;
 - b. Penawaran, jualan silang dan pemasaran produk dan perkhidmatan PIBB dan gabungannya yang terdiri daripada Public Bank Berhad ("PBB"), Public Investment Bank Berhad, Public Mutual Berhad, PB Trustees Services Berhad, Public Nominees (Tempatan) Sdn Bhd, Public Nominees (Asing) Sdn Bhd, AIA Public Takaful Berhad, Lonpac Insurance Berhad, AIA Berhad, Public Bank (Hong Kong) Limited, Public Finance Limited, Winton (B.V.I) Limited, Cambodian Public Bank PLC, Campu Lonpac Insurance PLC, Public Bank Vietnam, Public Bank (L) Limited, PB Trust (L) Limited ("Gabungan");
 - c. Menjalankan semakan kredit dan status lain pada masa permohonan dibuat dan secara berkala sepanjang tempoh kredit untuk memastikan kebolehpercayaan kredit pelanggan;
 - d. Mencipta dan mengekalkan permarkahan kredit Bank dan model berkaitan dengan risiko Bank;
 - e. Menyediakan rujukan (untuk pertanyaan status);
 - f. Mengekalkan sejarah kredit pelanggan;
 - g. Membantu institusi kewangan lain untuk menjalankan semakan kredit;
 - h. Menyesuai dan memperbaiki perkhidmatan kewangan atau produk yang berkaitan untuk kegunaan pelanggan;
 - i. Pemantauan dan kawalan dalaman, termasuk tetapi tidak terhad kepada penentuan amaun yang terhutang kepada atau oleh pelanggan;
 - j. Pelaksanaan kewajipan pelanggan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumpulan amaun yang tertunggak daripada pelanggan dan pihak lain yang mempunyai liabiliti dengan Bank;
 - k. Apabila pendedahan diperlukan di bawah mana-mana undang-undang, peraturan, perintah mahkamah atau apa-apa garis panduan lain yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pengawalseliaan (yang mempunyai kuasa ke atas Bank) atau mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang;
 - l. Membolehkan pemegang serah hak Bank yang sebenar atau yang dicadangkan, atau peserta, atau sub peserta untuk menaksir hak Bank terhadap pelanggan, berkenaan urus niaga yang hendak dijadikan subjek penyerahan hak, atau penyertaan atau sub penyertaan;
 - m. Kajian dan analisis statistik (termasuk analisis tingkah laku);



- n. Berurusan dengan firma guaman untuk menyempurnakan dokumentasi sekuriti bagi pembiayaan dan pendahuluan pembiayaan pelanggan;
- o. Pemprosesan data peguam untuk membolehkan Bank menilai kesesuaian mereka untuk dilantik sebagai Panel Peguam Bank;
- p. Membantu vendor (yang dilantik oleh Bank) untuk menjalankan penyelenggaraan sokongan untuk sistem dan peralatan teknologi maklumat;
- q. Pemeriksaan usaha wajar bagi kakitangan, pembekal, vendor, pembekal perkakasan dan perisian teknologi maklumat sebelum memasuki kontrak perkhidmatan dengan mereka atau membeli produk daripada mereka;
- r. Mereka bentuk dan menganjurkan kempen/promosi/acara untuk penyertaan pelanggan termasuk proses pemilihan pemenang-pemenang, pengedaran/penghantaran hadiah dan acara penyampaian hadiah;
- s. Mendapatkan semula, merekodkan dan menyimpan bagi tujuan audit dalaman/luaran;
- t. Bagi tujuan untuk memenuhi terma dan syarat kontrak pekerjaan dengan Bank;
- u. Pentadbiran dan pengurusan gaji, faedah kesihatan dan faedah pekerjaan yang lain; dan
- v. Rakaman adegan CCTV, terutamanya, boleh juga digunakan untuk tujuan-tujuan yang berikut:
 - Jaminan kualiti;
 - Keselamatan dan kesejahteraan awam;
 - Mengesan dan mencegah penggunaan kemudahan, produk, perkhidmatan dan/atau premis kami secara mencurigakan, tidak sesuai atau tidak dibenarkan;
 - Mengesan dan mencegah tingkah laku jenayah; dan/atau
 - Menjalankan siasatan bagi satu-satu insiden.

7. Keizinan

- 7.1 Kami hanya mengumpul maklumat peribadi mengenai anda yang perlu untuk melaksanakan fungsi dan aktiviti kami. Jika anda tidak menyediakan maklumat ini atau mengizinkan penggunaan sesetengah daripada maklumat peribadi anda itu, kami mungkin tidak akan dapat menyediakan untuk anda produk atau perkhidmatan yang anda inginkan atau memproses permohonan anda untuk pekerjaan atau kemudahan atau mewujudkan urusan perniagaan dengan anda.
- 7.2 Dalam kebanyakan keadaan, sebelum atau pada waktu penyertaan untuk sesuatu produk baharu atau semasa memohon kemudahan atau memohon pekerjaan dengan Bank, (atau jika itu adalah tidak munasabah, semunasabah yang mungkin kemudiannya) kami akan mendapatkan keizinan daripada anda untuk tujuan ia hendak digunakan dan untuk mendedahkan maklumat peribadi anda.
- 7.3 Keizinan anda boleh dinyatakan secara lisan atau bertulis, atau ditunjukkan melalui tindakan anda.

8. Kerahsiaan Data dan Perkongsian Maklumat Peribadi

- 8.1 Kami mungkin berkongsi maklumat peribadi dengan Gabungan bagi tujuan untuk menawarkan produk dan perkhidmatan Bank dan Gabungan yang mungkin menarik minat anda. Untuk membolehkan kami melakukannya, kami akan mendapatkan keizinan daripada anda dan hanya berkongsi maklumat peribadi anda bagi tujuan yang anda persetujui.
- 8.2 Data (kecuali data yang sedia ada dalam domain awam) yang disimpan oleh Bank berkaitan dengan anda akan dirahsiakan, tetapi kami mungkin perlu untuk berkongsi maklumat peribadi anda dalam urusan harian perniagaan dan yang berkaitan dengan tujuan utama maklumat anda dikumpulkan dengan pihak-pihak berikut, tertakluk sentiasa pada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, piawaian, garis panduan dan/atau obligasi) yang diterima pakai oleh kami:
 - a. Syarikat induk dan syarikat sekutunya di dalam Kumpulan;
 - b. Mana-mana ejen, kontraktor, pemaju, pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan, penyedia jaminan kewangan, penasihat, pelikuidasi/Penerima & Pengurus, juru audit, pelelong, peniaga/pengedar/pembuat kenderaan atau juru perunding yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran, telekomunikasi, pembayaran elektronik, pemprosesan dan analisis data, pembayaran, penyelesaian sekuriti, pemungutan hutang, penilaian, insurans, kaji selidik, guaman, perakaunan, pencukaian, audit atau merujuk perniagaan kepada kami atau perkhidmatan lain kepada Bank;
 - c. Mana-mana individu yang telah mengaku janji, sama ada secara lisan atau tersirat, untuk merahsiakan maklumat tersebut atau sebaliknya bertanggungjawab kepada Bank untuk merahsiakannya;
 - d. Apa-apa institusi kewangan atau institusi lain, caj kredit atau syarikat kad lain yang anda bercadang untuk berurusan atau yang sudah mempunyai urusan dengan anda;
 - e. Mana-mana pihak yang secara bersama dengan Bank melancarkan, menganjurkan atau menawarkan apa-apa produk, majlis atau perkhidmatan dan mana-mana pihak lain yang mempunyai urusan perniagaan dengan Bank berkaitan dengan perkhidmatan, produk, kaji selidik maklum balas pelanggan dan majlis yang ditawarkan atau dianjurkan oleh atau melalui Bank;



- f. Bank pembayar yang menyediakan salinan cek yang telah dibayar (yang mungkin mengandungi maklumat mengenai penerima bayaran) kepada pengeluar cek;
- g. Agensi pelaporan kredit, dan, sekiranya berlaku keingkaran pembayaran, kepada agensi pemungut hutang;
- h. Mana-mana individu, yang dibenarkan oleh undang-undang, peraturan, perintah mahkamah dan di bawah mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pengawalseliaan atau pihak berkuasa lain;
- i. Mana-mana pihak yang memberi atau bercadang untuk memberi jaminan atau cagaran pihak ketiga untuk menjamin atau memastikan obligasi pelanggan;
- j. Mana-mana pihak yang mengemukakan permintaan seperti yang disebutkan dalam perenggan 6.1 (k) di atas;
- k. Mana-mana pemegang serah hak Bank yang sebenar, atau yang dicadangkan, atau peserta, atau sub peserta berkenaan hak Bank kepada pelanggan;
- l. Nama-nama pemenang hadiah kempen pemasaran kepada media dan laman web Bank; dan
- m. Penasihat undang-undang dan penasihat profesional lain daripada mana-mana pihak yang disebutkan dalam perkara 8.2 (a) hingga (l) di atas.

9. Pindahan Antarabangsa

- 9.1 Memandangkan kami menjalankan operasi serantau, maklumat peribadi mungkin diproses dan didedahkan seperti yang dinyatakan di atas dalam mana-mana negara di mana kami menjalankan perniagaan atau yang mempunyai penyedia perkhidmatan menurut Notis Privasi jika:
- a. Anda telah memberi keizinan kepada pindahan tersebut;
 - b. Pindahan tersebut adalah perlu bagi prestasi kontrak antara anda dengan Bank;
 - c. Pindahan tersebut adalah perlu bagi penutup atau prestasi kontrak antara Bank dengan pihak ketiga yang dimeterai atas permintaan anda atau untuk kepentingan anda;
 - d. Pindahan adalah untuk tujuan prosiding guaman atau bertujuan untuk mendapatkan nasihat undang-undang atau bagi mewujudkan, melaksanakan atau mempertahankan hak undang-undang;
 - e. Bank mempunyai sebab-sebab yang munasabah untuk mempercayai dalam semua keadaan bahawa:
 - i. Pindahan adalah bertujuan untuk mengelakkan atau mengurangkan tindakan yang tidak sewajarnya terhadap anda;
 - ii. Adalah tidak praktikal untuk mendapatkan keizinan anda secara bertulis berkenaan dengan pindahan tersebut;
 - iii. Sekiranya ianya adalah praktikal untuk mendapatkan keizinan anda, anda pasti akan memberikan keizinan.
 - f. Bank telah mengambil semua langkah pencegahan dengan sewajarnya dan melaksanakan usaha wajar bagi memastikan maklumat peribadi anda diproses di situ menurut undang-undang Malaysia;
 - g. Pindahan tersebut adalah perlu bagi melindungi kepentingan anda; atau
 - h. Apabila kerajaan menganggap bahawa pindahan maklumat peribadi anda adalah perlu untuk kepentingan orang ramai.
- 9.2 Notis Privasi kami dan amalan kami dibuat untuk menyediakan tahap perlindungan yang konsisten bagi maklumat peribadi. Ini bererti bahawa di sesetengah negara yang undang-undangnya tidak memberi perlindungan yang mencukupi untuk maklumat anda, Bank akan tetap mengendalikan maklumat tersebut dengan cara yang dinyatakan di sini.

10. Keselamatan Maklumat Peribadi

- 10.1 Bank komited untuk melindungi keselamatan maklumat peribadi anda dengan melaksanakan kawalan keselamatan yang ketat dan mencukupi, langkah-langkah dan protokol seiring dengan amalan industri yang sedia ada dan keperluan undang-undang untuk menjaga dan menjamin maklumat peribadi anda daripada hilang, disalah guna, dipinda, diakses tanpa kebenaran atau tanpa disengajakan atau didedahkan, dipinda atau dimusnahkan.
- 10.2 Untuk mencapai matlamat ini, semakan yang kerap ke atas risiko bagi maklumat peribadi akan dibuat dan apa-apa kesilapan atau kelemahan keselamatan yang dikenal pasti akan ditangani dan diperbetulkan dengan segera.
- 10.3 Kami mengambil langkah-langkah keselamatan, tanpa mengira medium dalam mana maklumat disimpan (kertas, cakera komputer dsbnya) sistem yang memprosesnya (mikrokomputer, kerangka utama, sistem pesanan suara, dsbnya.) atau kaedah bagaimana ia digerakkan (mel elektronik, perbualan secara bersemuka, perbualan dsbnya.). Perlindungan seperti ini termasuk pengehadan akses kepada maklumat atas dasar perlu tahu. Bank memperuntukkan masa dan sumber yang mencukupi untuk memastikan maklumat dilindungi dengan sempurna.

- 10.4 Sebagai sumber rujukan bagi keperluan keselamatan maklumat Bank, dasar-dasar keselamatan maklumat, piawaian dan prosedur didokumenkan dan diselenggarakan sepenuhnya. Semua kakitangan, termasuk kakitangan baharu, diberitahu mengenai tanggungjawab mereka berkenaan dengan maklumat peribadi anda. Juru perunding atau pihak luar lain yang dikontrakkan untuk menjalankan kerja untuk Bank juga mesti mematuhi keperluan ini dan di mana berkenaan, tertakluk kepada perjanjian yang tidak membenarkan mereka mendedahkan maklumat untuk memastikan aset maklumat Bank dirahsiakan.
- 10.5 Kami juga memerlukan anda untuk membantu kami dengan mematuhi langkah-langkah keselamatan yang disediakan bagi melindungi nombor pengenalan dan kata laluan peribadi anda dengan merahsiakannya. Ini dinyatakan dalam terma dan syarat akaun anda. Anda juga dapat mengehadkan liabiliti akaun anda disalahgunakan sekiranya anda mematuhi keperluan-keperluan ini.
- 10.6 Sekiranya kami tidak lagi memerlukan maklumat peribadi anda, selepas tamatnya tempoh tahanan yang berkenaan, kami akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memusnahkannya dengan cara paling selamat atau mengeluarkan ciri-ciri pengenalan daripadanya.

11. Ketepatan Maklumat Peribadi

- 11.1 Bank akan mengambil semua langkah yang munasabah dan wajar untuk memastikan maklumat peribadi anda adalah tepat, sempurna dan terkini.
- 11.2 Anda boleh membantu Bank untuk menyimpan rekod yang tepat dan terkini dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis mengenai apa-apa perubahan agar rekod mengenai anda boleh dikemas kini dengan segera.

12. Akses kepada Maklumat Peribadi

- 12.1 Sebagai pelanggan, anda boleh melaksanakan hak-hak yang berikut:
 - a. Memeriksa sama ada Bank memegang maklumat peribadi mengenai anda dan mempunyai akses kepada data berkenaan;
 - b. Menghendaki kami untuk membetulkan apa-apa data berkenaan dengan anda yang tidak tepat; dan
 - c. Menentukan dasar-dasar dan amalan kami yang berkaitan dengan data anda dan untuk dimaklumkan mengenai data peribadi yang dipegang oleh kami.
- 12.2 Bank mempunyai hak untuk mengenakan fi yang munasabah bagi pemprosesan permohonan bagi akses kepada data berkenaan.
- 12.3 Berkenaan dengan hak individu, permohonan untuk akses kepada data atau pembedaan data atau untuk maklumat berkenaan dengan dasar-dasar dan amalan dan jenis data peribadi yang dipegang, atau aduan privasi, permohonan anda hendaklah dibuat secara peribadi seperti yang berikut:
 - a. Mengunjungi cawangan pemegang akaun anda; atau
 - b. Menulis dan mengesposkan permohonan anda kepada:
Pengurus
Jabatan Perkhidmatan Pelanggan
Tingkat 13, Menara Public Bank
146, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

13. Pemasaran Terus/Tele-pemasaran

- 13.1 Bank boleh dengan kebenaran anda menggunakan maklumat peribadi anda untuk menyediakan tawaran, surat berita dan bahan pemasaran/maklumat mengenai produk, perkhidmatan atau acara Bank yang mungkin menarik minat anda.
- 13.2 Sekiranya pada bila-bila masa anda memilih untuk tidak menerima maklumat pemasaran daripada kami, anda boleh mengarahkan kami untuk tidak menghantar kepada anda bahan-bahan tersebut seperti yang berikut:
 - a. Mengunjungi cawangan pemegang akaun anda; atau
 - b. Menulis dan mengesposkan permohonan anda kepada:
Pengurus
Jabatan Perkhidmatan Pelanggan
Tingkat 13, Menara Public Bank
146, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
- 13.3 Kami akan memproses arahan anda secepat yang mungkin.

14. Pautan Laman web

Sila maklum bahawa laman web Bank mungkin mengandungi hiperpautan kepada laman lain yang tidak bergabung dengan Bank. Laman web hiperpautan tersebut mungkin memenuhi atau mungkin tidak memenuhi piawaian privasi yang sama dengan apa yang kami tetapkan untuk pihak kami. Anda dinasihatkan untuk memahami dan menilai piawaian dan prosedur privasi laman web tersebut. Pautan kepada laman web ini bukanlah pengesahan mengenai kandungan laman web berkenaan dan bukanlah jaminan terhadap ketepatan maklumat yang terkandung dalam laman web tersebut.

15. Perubahan kepada Notis Privasi

Bank akan mengemas kini Notis Privasi ini dari semasa ke semasa untuk menunjukkan sebarang perubahan pada dasar, proses dan sistem kami berkenaan dengan bagaimana kami mengendalikan maklumat peribadi anda. Apabila kami membuat perubahan kepada notis ini, kami akan mengemas kini tarikh "Dikemas kini pada" pada muka hadapan notis ini. Kami menggalakkan anda untuk menyemak notis ini dari semasa ke semasa.